

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1995/96

April 1996

AMP300 - PENYELIDIKAN PEMASARAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 adalah **WAJIB**.

**Soalan 1 (WAJIB)**

- (a) Penyelidikan pemasaran hanya berfungsi sebagai pemberi maklumat bagi membantu pihak pengurusan membuat keputusan. Ianya tidak berperanan secara langsung dalam mencadangkan tindakan atau strategi pemasaran. Bincangkan. [15 markah]
- (b) Dalam kaedah soal-selidik melalui tel, penyelidik biasanya menyertakan wang (mungkin RM5) bagi memastikan kadar pulangan yang tinggi dari responden. Adakah amalan ini beretika? Beri pendapat anda. [10 markah]

**Soalan 2**

- (a) Syarikat pengeluar kereta PROTON ingin menembusi pasaran Indonesia dan anda telah diberi tugas untuk mengkaji struktur ekonomi isirumah pasaran Indonesia sehingga ke tahun 2020.
- (i) Beri dua bentuk kenyataan permasalahan bagi kajian ini. [5 markah]
- (ii) Apakan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menjawab kenyataan masalah penyelidikan di atas? [10 markah]

...2/-

- 2 -

- (b) Syarikat pembuat minuman VICO ingin menembusi pasaran Thailand dan Indonesia bagi minuman VICO yang diperkaya dengan vitamin dan zat galian. Sebagai seorang penyelidik pemasaran, huraikan bagaimakah anda mengenalpasti potensi pasaran bagi produk VICO di negara berkenaan.
- [10 markah]

**Soalan 3**

Satu kajian telah dijalankan bagi mengetahui sikap pengguna terhadap dua jenis jus minuman buah-buahan iaitu buahan segar dan buahan yang dibekukan (frozen fruit juice). Temuduga peribadi (personal interview) telah dibuat dengan satu sampel isirumah di sebuah kawasan perumahan. Berikut ini bentuk soalan-soalan yang ditanyakan dalam kajian tersebut. Beri komen anda bagi setiap soalan berkenaan samada ianya sesuai atau perlu diubah. Sekiranya perlu diubah, berikan bentuk soalan yang anda fikirkan sesuai.

- (a) Adakah anda atau ahli keluarga meminum jus buah-buahan?

Ya \_\_\_\_\_ Tidak \_\_\_\_\_ [5 markah]

- (b) Adakah anda meminum jus semasa makan, antara waktu makan atau kedua-duanya?

Waktu makan \_\_\_\_\_ Antara waktu makan \_\_\_\_\_ Kedua-duanya \_\_\_\_\_ [5 markah]

- (c) Apakah kebaikan (sekiranya ada) yang anda rasakan bahawa jus buahan segar adalah lebih baik dari jus buahan yang dibekukan?
- 
- 
- 
- [5 markah]

- (d) Apakah jenama-jenama jus buahan yang biasa anda minum?
- 
- 
- 
- [5 markah]

- 3 -

- (e) Berikut ini senarai perasa jus buahan. Sila nyatakan apakah perasa yang menjadi pilihan pertama, kedua dan ketiga bagi keluarga anda?

<input type="checkbox"/> anggur	<input type="checkbox"/> betik	<input type="checkbox"/> lain-lain
<input type="checkbox"/> limau	<input type="checkbox"/> mangga	
<input type="checkbox"/> tomato	<input type="checkbox"/> jambu	

[5 markah]

#### Soalan 4

- (a) Huraikan kaedah-kaedah penyelidikan kualitatif berikut dan jelaskan tentang kebaikan dan keburukan kedua-dua kaedah berkenaan.
- (i) temuduga peribadi (personal interview).
  - (ii) perbincangan kumpulan fokus (Focus group interview).

[15 markah]

- (b) "Banyak kajian mendapati bahawa peranan suami isteri dalam proses pembelian adalah tidak konsisten yang mana ianya bergantung kepada siapakah yang memberi jawapan semasa soalselidik samada si suami atau isteri. Bagi mengatasi keadaan ini dan mendapatkan gambaran sebenar tentang peranan yang dimainkan oleh suami atau isteri, kaedah pemerhatian hendaklah dijalankan."

Beri pendapat anda dengan kenyataan ini.

[10 markah]

#### Soalan 5

- (a) Kumpulan Sui Wah telah memilih satu sampel pakar rujukan pendapat (opinion leaders) bagi menilai rekabentuk kedai menjual peralatan sukan. Setiap pakar dibayar RM200 bagi memperolehi pendapat mereka. Terangkan proses persampelan yang harus dibuat dalam kajian ini.

[15 markah]

...4/-

(b) Bagi dua situasi di bawah ini, beri penilaian anda tentang metod persampelan yang digunakan. Sekiranya perlu cadangkan sebarang alternatif.

(i) Dalam kajian sikap pengguna terhadap Bank Islam, penemuduga berada di tempat letak kereta di setiap cawangan Bank Islam dan menemuduga sesiapa sahaja yang bersedia menjawab soalan-soalan yang berkaitan.

[5 markah]

(ii) Untuk mendapatkan maklumat tentang profil pembeli produk permainan komputer, Syarikat Sega telah mensyaratkan bahawa jaminan produk hanya akan diperolehi setelah kad jaminan dan borang soal-selidik yang diberikan semasa pembelian dihantar kepada pengeluar dalam tempoh dua minggu selepas dari tarikh pembelian.

[5 markah]

-oooOOOooo-